

TARIKH: 6/12/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 23

Harian Metro | Rabu 06.12.2023

@hmetromy
HarianMetro
@hmetromy
www.hmetro.com.my 23

Dasar Gaji Progresif selesai masalah gaji tidak setimpal

Kuala Lumpur: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yakin Dasar Gaji Progresif akan menyelesaikan masalah isu gaji rendah dan gaji yang tidak setimpal dengan prestasi dan kemahiran pekerja.

Ketua Pengarah MPC, Zaid Ismail berkata, terdapat hubung kait rapat antara gaji dan produktiviti. "Iazimnya, pekerja menerima gaji yang lebih tinggi apabila produktiviti meningkat. Namun, kenaikan gaji di Malaysia didapati tidak seiring dengan peningkatan produktiviti pekerja. "Prestasi produktiviti menunjukkan tahap kecukupan pekerja. Produktiviti pekerja yang tinggi menggariskan kecekapan dalam penggunaan sumber dan pelaksanaan proses. Seorang pekerja yang produktif dapat mengeluarkan hasil atau memberi perkhidmatan melebihi jangkaan," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pihaknya menyambut baik dan menyokong cadangan Dasar Gaji Progresif sebagai langkah reformatif melonjakkan produktiviti pekerja dan negara.

"Pada tahun 2022, produktiviti negara tumbuh sebanyak 5.4 peratus dengan nilai RM195.858 bagi setiap pekerja. Terdapat peningkatan jika dibandingkan dengan tahun 2021, di mana produktiviti tumbuh sebanyak 2.0 peratus dengan nilai RM190.952.

"Pada suku ketiga tahun ini pula, tahap produktiviti meningkat kepada RM24.465 bagi setiap pekerja berbanding suku kedua yang lalu iaitu sebanyak RM23.408.

"Ini adalah satu petunjuk yang baik, menggariskan kecekapan pekerja meningkat dan proses pengeluaran semakin berkesan. Kita dapat lihat hasilnya pada pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya ini bukanlah satu situasi yang selesa untuk negara kerana berdasarkan Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, gaji di Malaysia lebih rendah berbanding gaji di beberapa negara serantau, seperti Singapura dan Korea Selatan.

"Sekiranya ini berterusan, negara akan kehilangan daya saing apabila bakat mahir dan produktif memilih untuk berkeja di negara lain.

"Produktiviti negara juga akan menurun. Pertumbuhan gaji yang tidak seiring dengan prestasi produktiviti memberi cabaran kepada pasaran buruh negara," katanya.